


PANDUAN PENGGUNA

SISTEM PERMOHONAN PROGRAM PEMBUDAYAAN STI (S3PM)

Tajuk: Pendaftaran Akaun dan Permohonan STEM Camp



1. PENDAFTARAN AKAUN PENGGUNA BARU

Sebelum membuat permohonan, pengguna perlu mendaftar akaun terlebih dahulu.

1. Layari laman web rasmi s3pm.mosti.gov.my
2. Pada paparan utama, klik butang **Daftar Sekarang**.
3. Masukkan maklumat berikut:
 - **Emel:** Alamat emel aktif pengguna.
 - **Katalaluan:** Cipta katalaluan yang selamat.
4. Tanda pada kotak pengesahan terma dan syarat.
5. Klik butang **Daftar**.
6. Satu notifikasi akan dihantar ke emel anda. Sila buka emel tersebut dan klik butang **Sahkan Alamat Emel** untuk mengaktifkan akaun.

S3PM

Daftar akaun

Sila masukkan emel dan katalaluan untuk daftar akaun.

Emel

Katalaluan

Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami, dan bersetuju dengan Terma dan Syarat yang ditetapkan.

Daftar

Akaun anda dah wujud? [Log masuk](#)

S3PM

Log Masuk

Sila masukkan emel dan katalaluan untuk log masuk.

Emel

Katalaluan

Log masuk

Belum wujudkan akaun? [Daftar disini](#)

[Lupa Kata Laluan?](#)

2. LOG MASUK DAN KEMASKINI PROFIL

Setelah akaun diaktifkan, pengguna dikehendaki melengkapkan profil peribadi dan organisasi.

1. Klik butang **Log Masuk** pada laman utama.
2. Masukkan **Emel** dan **Katalaluan** yang telah didaftarkan.
3. Sistem akan membawa anda ke paparan **Kemaskini Profil**. Lengkapkan maklumat berikut:
 - **Maklumat Peribadi:** Nama Penuh, No. IC, No. HP, dan Alamat Kediaman yang lengkap (Poskod, Bandar, Negeri).
 - **Bidang Kepakaran:** Pilih bidang yang berkaitan (contoh: *Data Science*, Teknologi Maklumat, dll) dan masukkan deskripsi ringkas.
 - **Maklumat Organisasi:** Pilih organisasi sedia ada atau klik **Tambah Organisasi Baru** sekiranya tiada dalam senarai.
 - **Maklumat Pengarah:** Masukkan Nama dan Jawatan Pengarah/Ketua Organisasi anda.
4. Klik butang **Simpan Profil**.

3. PENDAFTARAN ORGANISASI BARU (Sekiranya Perlu)

Jika organisasi anda (seperti PIBG sekolah) belum wujud dalam sistem:

1. Klik **Tambah Organisasi Baru**.
2. Lengkapkan maklumat: Nama Organisasi (Contoh: PIBG Sekolah Abdullah Sungai Mati), No. Pendaftaran, Alamat, Negeri, Bandar, dan Jenis Institusi.
3. Klik **Simpan Organisasi**.

4. PERMOHONAN STEM CAMP

Setelah profil lengkap, anda boleh memulakan permohonan program.

1. Pada *Sidebar* menu, pilih **STEM Camp > Permohonan > Senarai Permohonan**.
2. Klik butang **Tambah Permohonan**.
3. Isi borang permohonan mengikut tab yang disediakan:
 - **A: Maklumat Program:** Masukkan Tajuk Program, Tarikh Mula/Akhir, Lokasi, Negeri, dan Bidang Fokus (contoh: Matematik, Sains). Masukkan ringkasan program.
 - **B: Objektif Program:** Nyatakan objektif yang ingin dicapai.
 - **C: Status Kelulusan:** Muat naik surat kelulusan atau sokongan daripada pihak berkaitan (PPD/JPN/KPM).
 - **D: Maklumat Pemohon:** Pastikan maklumat organisasi yang dipaparkan adalah betul. Masukkan butiran Ketua Program/Penyelaras.
 - **E: Penerima Manfaat:** Masukkan jumlah sasaran peserta dan pilih sekolah/kumpulan sasar yang terlibat.
 - **F: Perincian Aktiviti:** Masukkan slot aktiviti, tajuk modul, dan muat naik lampiran berkaitan. Sertakan **Atur Cara Program** yang lengkap.
 - **G: Perincian Kos:** Masukkan perincian bajet seperti khidmat pakar, bahan bahan, insurans, dan peralatan interaktif. Pastikan jumlah tidak melebihi had yang ditetapkan (RM15,000.00).
 - **H: Maklumat Rakan Kerjasama:** Masukkan butiran rakan strategik sekiranya ada.
4. Semak semula semua maklumat di tab **Perakuan**. Tanda pada kotak pengesahan maklumat benar.
5. Klik butang **Hantar**.

[Maklumat Program](#)
[Penerima Manfaat/Kumpulan Sasar](#)
[Perincian Aktiviti Program](#)
[Perincian Kos Program](#)
[Maklumat Rakan Kerjasama](#)
[Kaji Selidik](#)
[Perakuan](#)

A: Maklumat Program

Tajuk

test

Lokasi

test

Negeri *

Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tarikh mula program *

20/02/2026

Tarikh akhir program *

21/02/2026

Bidang Fokus Program *

Engineering
 Matematik
 Sains
 Teknologi

Ringkasan *

File Edit View Insert Format Tools Table Help

Paragraph Helvetica 12pt B I U S

test

[Maklumat Program](#)
[Penerima Manfaat/Kumpulan Sasar](#)
[Perincian Aktiviti Program](#)
[Perincian Kos Program](#)
[Maklumat Rakan Kerjasama](#)
[Kaji Selidik](#)
[Perakuan](#)

E: Penerima Manfaat/Kumpulan Sasar

Kumpulan sasaran yang terlibat *

Golongan Lepas Sekolah
 Golongan pelajar sekolah Menengah
 Golongan pelajar sekolah rendah
 Golongan Pra Sekolah
 Guru dan pentadbiran sekolah
 Ibu bapa / Komuniti

Jumlah Sasaran *

Senarai sekolah yang terlibat

Bil.	Sekolah	Tindakan
1	Choose a Sekolah	

[Tambah sekolah](#)

Kategori kumpulan sasaran (Pelajar) *

Golongan B40
 Golongan dari Kawasan Pedalaman / terpencil
 Golongan istimewa / Orang Kelainan Upaya (OKU)
 Golongan Orang asli/Orang Asal
 Golongan pinggir bandar atau luar bandar
 Terbuka kepada semua pelajar
 Tidak Dinyatakan

[Kembali](#)
[Seterusnya](#)
[Simpan \(Draf\)](#)
[Hantar](#)

H: Maklumat Rakan Kerjasama

(Sekurang-kurangnya satu rakan kerjasama diperlukan dan tidak boleh dari agensi sama.)

Rakan Kerjasama 1	<input type="text"/>
Nombor Pendaftaran Organisasi/Pertubuhan	<input type="text"/>
Nama organisasi *	<input type="text"/>
Nama pegawai *	<input type="text"/>
No pejabat *	<input type="text"/>
Nombor telefon bimbit *	<input type="text"/>
Emel *	<input type="text"/>
Alamat *	<input type="text"/>
Peranan *	<input type="text"/>
Surat Pengesahan	<input type="button" value="Choose File"/> No file chosen

I : Kaji Selidik (Perhatian)

(Peringatan)

Template borang kaji selidik program yang disediakan oleh Kementerian akan diberikan kepada PEMOHON YANG BERJAYA. Penerima tajaan WAJIB mengadakan kaji selidik program bagi memperolehi maklumat keberkesanan dan penambahbaikan program yang dijalankan.

J : Perakuan Pemohon

Dengan ini



Saya mengesahkan bahawa semua maklumat dalam permohonan ini adalah benar dan lengkap.

5. SEMAKAN STATUS

1. Status permohonan anda akan dipaparkan di **Dashboard STEM Camp**.
2. Anda boleh memantau sama ada permohonan sedang dalam proses, lulus, atau tidak lulus melalui paparan statistik yang disediakan.

Senarai Permohonan STEM Camp

Laman Utama / Permohonan STEM Camp

Senarai Permohonan										Tambah Permohonan	
										Search...	
Bil.	No. Rujukan	Tajuk proram	Tarikh program	Nama (Ketua program)	Tajaan MOSTI (RM)	Kos Lulus (RM)	Status	Tarikh hantar	Urus		
1.	SC2026_5	Sample 2 : Kem Cerdik Sains	19-04-2026	Lina Syazwana	4200.00		Semakan Urusetia	12-02-2026			

Nota Penting:

- Pastikan dokumen yang dimuat naik adalah dalam format yang dibenarkan dan saiz yang tidak terlalu besar.
- Sentiasa simpan draf permohonan menggunakan butang **Simpan (Draft)** sebelum menghantar permohonan muktamad.